

KENYATAAN RASMI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENGESAHAN JANGKITAN POSITIF COVID-19 DAN TINDAKAN SUSULAN PROSEDUR KAWALAN PENULARAN DI UMP

Selaras dengan gesaan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengenal pasti peserta yang menghadiri Majlis Ijtimak Tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan ini mengesahkan, setelah dimaklumkan oleh pihak KKM pada 13 Mac 2020 (Sabtu) bahawa salah seorang daripada pelajar UMP di Kampus Gambang yang menghadiri program tersebut telah didapati positif COVID-19 dan pelajar tersebut dalam perhatian pihak KKM dan menjalani prosedur yang telah di gariskan KKM.

Sebagai langkah proaktif, UMP melalui Pusat Kesihatan Universiti dan KKM telah melaksanakan pengesanan kontak rapat untuk mengenal pasti dan memaklumkan kepada individu yang mempunyai kontak secara langsung dengan pelajar terbabit, agar mereka menjalani prosedur saringan dan tatacara yang telah digariskan.

Selari dengan situasi semasa, pihak Pengurusan UMP sedang berusaha memastikan kawalan penularan yang maksimum di semua Pusat Tanggungjawab di UMP yang terlibat, melibatkan kedua-dua Kampus Pekan dan Kampus Gambang. Antara langkah segera yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan proses pembersihan di semua Pusat Tanggungjawab yang terdapat kontak rapat dengan pelajar
- ii. Melaksanakan prosedur *Home Surveillance* kepada kontak rapat
- iii. Semua warga kampus diminta untuk sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan penularan COVID-19 seperti yang digariskan KKM
- iv. Menggalakkan kaedah pembelajaran dalam talian dan kuliah secara maya. Aktiviti pembelajaran dalam makmal atau projek dalam kumpulan yang kecil boleh diteruskan tanpa mengabaikan langkah pencegahan yang disarankan KKM.

Kesemua maklumat rasmi berkaitan perkara ini hanya akan dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor sebagai pejabat penyelaras yang bertanggungjawab. Adalah diharapkan agar semua pihak dapat memberikan kerjasama yang baik dalam memastikan penularan COVID-19 ini dapat dikawal dengan baik di peringkat Universiti Malaysia Pahang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN)

Ketua Pegawai Operasi / Pendaftar

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Bencana (JKBB)

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 15 Mac 2020

Salinan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan